

THEORIES OF RACE AND RACISM: A READER oleh Les Back, John Solomos.
Tempat: Routledge edisi ketiga, 2022. Halaman 898. ISBN: 9780367623692

Buku *Theories of Race and Racism: A Reader* memberikan gambaran keseluruhan tentang perdebatan sejarah dan kontemporari dalam bidang keserjanaan dan penyelidikan yang sedang pesat berkembang mutakhir ini. Penulisannya menggabungkan sumbangan daripada pemikir seminal, cendekiawan terkemuka dan suara-suara baharu. Pembacaan buku ini memberikan refleksi kritikal tentang arus perkembangan utama dalam bidang tersebut.

Sumbangan daripada pembacaan buku ini memberikan gambaran keseluruhan berkaitan persoalan kaum dan perkauman. Ia menyediakan perspektif baru dengan mengumpulkan penulisan mengenai proses teori dan sejarah utama dalam bidang ini, perkembangan sudut pandangan teori yang pelbagai, analisis antisemitisme, peranan kolonialisme dan pascakolonialisme, perspektif feminis tentang kaum dan artikulasi medium baru tentang konjungtur kontemporari. Penyumbang kepada penulisan buku ini termasuklah karya klasik oleh W.E.B. DuBois, Stuart Hall dan Frantz Fanon serta sarjana kontemporari seperti Orlando Patterson, Patricia Hill Collins dan Paul Gilroy.

Dengan menghimpunkan pengkarya yang pelbagai, buku ini mengungkap perspektif berkaitan kaum dan perkauman secara teoritikal dan praktikal dalam konteks rentas susur masa.

Isu kaum dan perkauman bukanlah perkara baharu. Isu perkauman merupakan suatu perkara yang perlu dipandang serius dan diambil berat oleh setiap pihak. Isu tersebut bukan sahaja berlaku di Malaysia, bahkan di Amerika, Eropah dan Afrika juga turut berlaku isu yang sama.

Isu perkauman boleh berlaku dalam beberapa situasi seperti percakapan, tindakan provokasi, perbezaan keturunan, penghinaan, ejekan dan diskriminasi terhadap perbezaan warna kulit. Perkara ini bukan suatu yang boleh dipandang remeh kerana perkara ini sangat menyentuh sensitiviti sesuatu kaum. Setiap kaum mempunyai maruah dan identiti yang perlu dipelihara daripada dipermainkan oleh sesuatu pihak.

Perkara ini juga boleh menimbulkan api persengketaan antara kaum lantas membawa kepada konflik perpecahan dan pergaduhan. Setiap manusia perlu berfikiran terbuka dalam menilai seseorang bukan berdasarkan warna kulit ataupun keturunan, akan tetapi berlandaskan nilai keperibadian yang tersemat dalam diri seseorang (sinar harian).

Melihat kepada tajuk dan ilustrasi pada muka depan buku ini, penulis tertarik dengan frasa “we need change”. Memandangkan perbincangan di dalam buku ini mengambil kira perbincangan berkaitan kaum dan perkauman merentas masa; sejarah, struktur sosial dan biografi, maka hampir jelaslah bahawa isu kaum dan perkauman ini masih kekal di takuk lama tanpa sebarang perubahan positif ketara! Frasa “we need change” inilah yang menjadi elemen “fundamental” bagi pembaca terus meneroka setidaknya sebab mengapa keadaan ini masih wujud dan berlaku. Apakah kita masih berlegar pada aras ontologikal? Apakah situasi pengekalan status quo masih wujud? Masih belum

selesaikan isu egosentrisme, stereotaip, dan etnosentrisme? Masih wujudkah penindasan dan diskriminasi? Dan bilakah masyarakat manusia boleh saling hidup harmoni dan maju bersama?

Dengan ketebalan 898 halaman, 6 bab dengan 55 artikel ditulis pengkarya tersohor, mungkin dan hampir pasti persoalan-persoalan di atas akan terjawab (?).

Mari kita lihat susunan 6 bab yang disusun mengikut kaedah deduktif dimulai dengan perbincangan melibatkan; *Origins and Transformations, Sociology, Race and Social Theory, Racism and Antisemitism, Colonialism, Race and the Other, Feminism, Difference, and Identity* dan *Changing Boundaries and Spaces*.

Isu-isu fundamental terlihat memberi fokus kepada perkara infrastruktur dan superstruktur dan stratifikasi sosial masyarakat seperti definisi dan hal konseptual sosiologi ras dan teori sosial. Berganjak kepada rincian rasisme dan antisemitisme. Penulis setuju dengan perletakan tema kolonialisasi sebagai isu pokok pada bab yang keempat. Isu feminisme juga dibincangkan, begitu juga isu perbezaan dan identiti serta penegasan bab akhir yang memberi cabaran dan harapan iaitu pengharapan bagi mengubah sudut pandang terhadap elemen ruang dan persempadanan (yang mengikut perkiraan penulis adalah termasuk ruang dan persempadanan maya dan sosiologikal).

Bahagian pertama buku membincangkan perkara definisi dan konseptual; *Origins and Transformations*. Ia mengandungi 8 artikel dari 8 penulis yang membincangkan; 1. Winthrop D. Jordan *First Impressions*; 2. Robert Bernasconi *Who Invented the Concept of Race?*; 3. W. E. B. Du Bois *The Conservation of Races*; 4. Orlando Patterson *The Denial of Slavery in Contemporary American Sociology*; 5. Satnam Virdee *Racialized Capitalism*; 6. Zine Magubane *American Sociology's Racial Ontology*; 7. Jacqueline Nassy Brown *Black Liverpool, Black America, and the Gendering of Diasporic Space*; dan 8. Catherine Hall *Doing Reparatory History*.

Dapat disimpulkan daripada bahagian pertama ini ialah, bilamana kita berbincang tentang perkara definisi dan konsep berkaitan isu kaum dan perkauman, tidaklah dapat lari daripada membincangkan isu berkaitan konsep ras, perspektif dan sudut pandang, ontologi perkauman, beza warna, rupa serta gender. Apa yang menarik bila diberi sorotan tentang isu penghambaan dalam sosiologi masyarakat Amerika, ia seolah memberi lorongan kepada asal usul kaum dan perkauman dari sudut persejarahan (?).

Bahagian kedua turut memberi penekanan kepada perkara ontologi melibatkan perbincangan berkaitan ; *Sociology, Race and Social Theory*; 9. Robert Park *The Nature of Race Relations*; 10. E. Franklin Frazier *Sociological Theory and Race Relations*; 11. Jose Itzigsohn and Karida Brown *Sociology and the Theory of Double Consciousness*; 12. Aldon D. Morris *W. E. B. Du Bois at the Center*; 13. Gurinder K. Bhabra *Race, Segregation and U.S. Sociology*; 14. Stuart Hall *Old and New Identities, Old and New Ethnicities*; 15. Brett St Louis *On the Necessity and the 'Impossibility' of Identities*; 16. Salman Sayyid *Post-racial Paradoxes*; 17. Graziella Moraes Silva *Folk Conceptualizations of Racism and Antiracism in Brazil and South Africa*; 18. Wendy D. Roth *The Multiple Dimensions of Race*; 19. Ann Morning *Kaleidoscope: Contested*

Identities and New Forms of Race Membershi; 20. Elijah Anderson *The White Space* dan 21. Claire Alexander *Breaking Black*.

31.81% daripada keseluruhan artikel di dalam buku ini memberi penekanan kepada aspek memahami perkara ontologikal, definisi dan konseptual. Ia adalah pasak perbincangan yang agak kukuh!

Bahagian ketiga membincangkan aspek Racism and Antisemitism; 22. George L. Mosse *The Jews: Myth and Counter-Myth*; 23. Theodor Adorno and Max Horkheimer *Elements of Anti-Semitism*; 24. Dan Stone *Not a Race but Only a People after All*; 25. Glynis Cousin and Robert Fine *Reconnecting the Study of Racism and Antisemitism*; 26. Nasar Meer and Tehseen Noorani *A Sociological Comparison of Anti-Semitism and Anti-Muslim Sentiment in Britain*; 27. Jonathan Judaken *Rethinking the New Antisemitism in a Global Age*; 28. Brian Klug *Interrogating New Anti-Semitism*; 29. Tony Kushner *Anti-Semitism in Britain* dan 30. Elli Tikvah Sarah *When Anti-Zionism Becomes Anti-Semitism and Zionism Becomes Anti-Palestinian*.

Sementelah isu rasisme dan antisemitisme dibincangkan rentas kontinen dalam bab ini kerana Perkauman adalah berdasarkan idea bahawa terdapat pelbagai bangsa manusia: 'bangsa kulit putih', 'bangsa kulit hitam', 'bangsa kuning' dan 'bangsa merah'. Orang dari kaum yang sama diandaikan mempunyai ciri-ciri tertentu. Hitler dan National Socialists (Nazis) juga percaya bahawa orang boleh dibahagikan kepada kaum. Dan mereka percaya bahawa perlumbaan itu bersaing antara satu sama lain. Menurut Nazi, orang Yahudi adalah kaum yang lemah, berbahaya, dan rendah diri yang bukan milik Jerman. Idea Hitler dan Nazi adalah perkauman. Selepas Perang Dunia Kedua, sains menunjukkan bahawa klasifikasi manusia kepada pelbagai kaum adalah salah. Hanya ada satu bangsa: umat manusia (Anne Frank, 2024).

Bahagian keempat adalah pada hemat penulis paling menarik kerana membincangkan isu ; Colonialism, Race and the Other; 31. Frantz Fanon *The Fact of Blackness*; 32. Gary Wilder *Race, Reason, Impasse*; 33. Cynthia R. Nielsen *Frantz Fanon and the Négritude Movement*; 34. Mahmood Mamdani *Settler Colonialism*; 35. George Steinmetz *Explaining the Colonial State and Colonial Sociology*; 36. Robbie Shilliam *Ethiopianism, Englishness, Britishness*; 37. Julian Go *Postcolonial Possibilities for the Sociology of Race*.

Sejarah menunjukkan bahawa penjajahan British diseluruh dunia umumnya mengubah kedinamikan negara dijajah sebagai sebuah politi yang asalnya dimiliki oleh masyarakat tempatan menjadi entiti baharu. Orang tempatan yang kaya dengan kesantunan dan nilai persaudaraan menjadi tunjang kepada pembentukan masyarakat di negara mereka. Namun prejudis perkauman mencetuskan konflik berdarah dan banyak usaha dilakukan oleh British, sultan, pemimpin tempatan dan golongan intelegensia bagi mengembalikan keharmonian hubungan kaum pasca Perang Dunia Kedua (Mohamed Ali Haniffa & Ayu Nor Azilah Mohamad, 2021)

Bahagian kelima mengupas isu Feminism, Difference, and Identity; 38. Patricia Hill Collins *Black Feminist Thought*; 39. Sumi Cho, Kimberlé Williams Crenshaw and Leslie McCall *Toward a Field of Intersectionality Studies*; 40. Ochy Curiel *Rethinking Radical Anti-Racist Feminist Politics*; 41. Heidi Safia Mirza and Yasmin Gunaratnam

Reflections on Black British Feminism; 42. Sara Ahmed Women of Colour as Diversity Workers; 43. Keisha-Khan Y. Perry Geographies of Power: Black Women Mobilizing Intersectionality in Brazil; 44. Nadia Brown Political Participation of Women of Color dan 45. Sara Salem Intersectionality and its Discontents

Bahagian terakhir iaitu bahagian keenam menghuraikan cabaran dan harapan iaitu pengharapan bagi mengubah sudut pandang terhadap elemen ruang dan persempadanan; Changing Boundaries and Spaces; 46. Paul Gilroy The Dialectics of Diasporic Identification; 47. Michael G. Hanchard Black Transnationalism, Africana Studies, and the 21st Century; 48. Juliet Hooker Black Protest/White Grievance; 49. Minkah Makalani Black Lives Matter and the Limits of Formal Black Politics; 50. Alondra Nelson The Social Life of DNA; 51. Sibille Merz and Ros Williams Valuing Racialised Bodies in the Neoliberal Bioeconomy; 52. Étienne Balibar Reinventing the Stranger; 53. Jean Beaman Are French People White?; 54. Michelle Christian, Louise Seamster and Victor Ray New Directions in Critical Race Theory and Sociology dan 55. Eduardo Bonilla-Silva What Makes Systemic Racism Systemic.

Didalam perbincangan bahagian terakhir, iaitu bahagian keenam, perkiraan penulis mendapati dapatan penulisan pada artikel ke 54; Michelle Christian, Louise Seamster and Victor Ray New Directions in Critical Race Theory and Sociology adalah dapatan dan penegasan kepada keseluruhan perbincangan mengenai kaum dan perkauman iaitu ; Critical Race Theory-CRT (Teori Perkauman Kritikal) menyediakan perspektif yang sangat generatif untuk mengkaji fenomena perkauman dalam kehidupan sosial, undang-undang dan politik, tetapi integrasinya dengan teori sosiologi kaum tidak sistematik. Walau bagaimanapun, sekumpulan ahli sosiologi telah mula menunjukkan perkaitan CRT untuk mendorong siasatan empirikal. Penulis berpendapat bahawa CRT lebih baik menerangkan kesinambungan ketidaksamaan kaum yang telah lama wujud daripada teori yang berasaskan "paradigma kemajuan," kerana CRT menunjukkan cara perkauman dan ketuanan kulit putih dihasilkan semula melalui pelbagai mekanisme yang berubah.

Dalam usia sebegini, perkara kaum dan perkauman boleh dianggap sebagai sebuah isu yang telah cukup matang. Dalam konteks sebuah negara, matang membawa erti kemampuan sesebuah negara itu bertindak balas terhadap sesuatu konflik dalaman secara tenang, tertib dan tidak membarah. Dalam tempoh lebih setengah abad, seharusnya sesebuah negara itu telah cukup masa untuk bereksperimentasi dengan pelbagai konflik sosial yang kebanyakannya berkisar kepada isu suku kaum, agama, budaya mahupun bahasa. Sebuah negara yang matang sepatutnya sudah mampu menganggap konflik sosial seperti itu hanyalah kes biasa yang mampu dilerai dengan mudah berpandukan persefahaman dan batas undang-undang sedia ada. Tumpuan utama sebuah negara yang matang adalah ke arah mewujudkan kestabilan serta meningkatkan taraf hidup rakyat ke tahap yang terbaik dan bukan lagi bergelut dengan isu-isu dalaman yang hanya melemah dan menghambat negara dari bergerak maju.

Rujukan

Anne Frank. 2024. Is antisemitism a form of racism?. <https://www.annefrank.org/en/topics/antisemitism/antisemitism-form-racism/>. access 27 February 2024.

<https://www.sinarharian.com.my/article/238773/khas/pendapat/konflik-etnik-menghancurkan-nilai-kedamaian>.

Michelle Christian, Louise Seamster, and Victor Ray. 2019. New Directions in Critical Race Theory and Sociology: Racism, White Supremacy, and Resistance. Volume 63, Issue 13. <https://journals.sagepub.com/doi/10.1177/0002764219842623?icid=int.sj-full-text.similar-articles.4>

Mohamed Ali Haniffa & Ayu Nor Azilah Mohamad. 2021. Hubungan Etnik Di Tanah Melayu, 1941-1955: Penelitian Awal Berdasarkan Sudut Pandangan Sejarah. Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya; No. 30 (1) 2021: 105-127; ISSN 1985-0611.

Shafry Salim. 2022. Malaysia perlu bebas dari belenggu perkauman. <https://malaysiagazette.com/2022/08/29/malaysia-perlu-bebas-dari-belenggu-perkauman/>. adicapai 27 februari 2024.

Rosfazila binti Abd Rahman (PhD)

Jabatan Pengajian Ketamadunan & Pembangunan Insan [JPKPI]

Fakulti Sains Sosial [FSS]

Universiti Islam Selangor [UIS]